

**ANALISIS KEPENGGUNAAN INTERNET  
DI KAMPUNG GAJAH, PERAK**

**Oleh**

**SHahrul Zaman bin Kamarul Zaman  
Badron Saidi bin Ree  
Mohamed bin Yin**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,  
CAWANGAN PERAK  
APRIL 2001**

## PENGHARGAAN

Bismillah-hir-Rahman-nir-Rahim

Kami panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Azawajalla kerana dengan limpah kurnia dan keizinan – Nya jua kami berupaya menyempurnakan kajian ini walaupun dalam serba kepayaan dan kesusahan yang amat perit semata-mata untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi MARA.

Sehubungan dengan itu, sejambak penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas untuk pensyarah kami, Profesor Madya Mohd Fauzi Bin Mohd Harun, S. Econ (UKM) yang banyak memberi dorongan, nasihat, tunjuk ajar dan pandangan bagi menyiapkan kajian ini.

**BAB I****PENDAHULUAN**

<b>1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah</b>	<b>1</b>
<b>1.2 Objektif Kajian</b>	<b>5</b>
<b>1.3 Metodologi</b>	<b>7</b>
<b>1.3.1 Melalui Lawatan Dari Rumah Ke Rumah</b>	<b>7</b>
<b>1.3.2 Melalui Temu Bual</b>	<b>9</b>
<b>1.4 Hipotesis</b>	<b>12</b>
<b>1.5 Skop Kajian</b>	<b>14</b>
<b>1.6 Kepentingan Kajian</b>	<b>16</b>
<b>1.7 Sekatan Dan Masalah</b>	<b>18</b>
<b>1.8 Organisasi Kajian</b>	<b>21</b>

**Bab II****KEPENGGUNAAN INTERNET**

<b>2.1 Pengenalan</b>	<b>23</b>
-----------------------	-----------

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah

Teknologi Maklumat sering dikaitkan dengan era penggunaan digital dalam aktiviti manusia untuk memudahkan komunikasi ataupun menjalankan tugas masing-masing. Dalam era maklumat ini, perlumbaan untuk menguasai bidang teknologi maklumat telah mengalihkan pandangan masyarakat dunia kepada penguasaan teknologi yang berkaitan dengan sistem maklumat yang serba canggih dan kompleks.

Ledakan maklumat terus terasa hingga ke negara kita. Konsep Global Village menjadikan dunia semakin sempit dan tidak mempunyai sempadan. Hal ini menjadikan setiap maklumat dan perkembangan teknologi mudah tersebar melalui alat komunikasi yang semakin canggih. Penggunaan komputer dan internet menjadi satu keperluan dan bukan lagi menjadi alat-alat mewah dan hanya sesuai digunakan oleh golongan tertentu sahaja.

Oleh sebab itu kerajaan kita melakukan satu reformasi dan anjakan paradigma samada dari segi pemikiran mahupun perlakuan masyarakat Malaysia seiring dengan teknologi sekarang. Hasilnyalah Koridor Raya Multimedia (KRM) yang akan digerakkan mulai awal tahun 1998. Usaha ini akan melahirkan masyarakat bermaklumat dan mampu menguasai perkembangan ilmu.

Abad ke-21 ini juga menemukan kita dengan segala penemuan baru dalam pencapaian bidang sains dan teknologi. Internet merupakan salah satu lagi kemajuan era teknologi maklumat yang telah dihidangkan kepada masyarakat Malaysia terutama bagi golongan remaja dan profesionalisme. Hiburan-hiburan di siber ini juga merupakan satu lagi bentuk penemuan terhadap penduduk dunia. Hiburan siber ini boleh diklasifikasikan sebagai hiburan konvensional yang mengandungi beberapa kategori iaitu kategori permainan, muzik dan filem.

Tidak dinafikan bahawa perkembangan dunia grafik komputer, teknologi maklumat, komunikasi dan internet telah banyak